

STATISTIK KERATAN AKHBAR JANUARI 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	PM: PADU: BANYAK MANFAAT, DIJAMIN SELAMAT	UTUSAN MALAYSIA MS 14	4/1/2024	SEMASA
2	ISLAM MENCANTIKKAN KEHIDUPAN KEPELBAGAIAN KAUM	HARIAN METRO MS 15	4/1/2024	AGAMA
3	KETUA JABATAN KENA KAWAL PINJAMAN PENJAWAT AWAM	BERITA HARIAN MS 5	4/1/2024	SEMASA
4	RUKUN NEGARA BENTENG AMPUH HADAPI POLEMIK 3R	UTUSAN MALAYSIA MS 18	5/1/2024	RENCANA
5	BELAJARLAH DARI KOREA SELATAN BAIKI CPI	UTUSAN MALAYSIA MS14	5/1/2024	RENCANA
6	PENDIDIKAN TVET SEBELUM TINGKATAN EMPAT MASIH DIBINCANG	BERITA HARIAN MS 3	6/1/2024	KPT
7	BERI KELONGGARAN KEPADA IPT - ANWAR	SINAR HARIAN MS 5	6/1/2024	KPT
8	MODEL LUAR JADI RUJUKAN ANGKAT MARTABAT IPT	BERITA HARIAN MS 02	7/1/2024	KPT
9	UNIVERSITI BANYAK TAPI KEPAKARAN MEROSOT	BERITA HARIAN MS 03	7/1/2024	KPT
10	LAHIR PELAJAR KRITIS, PEJUANG ISU KEMANUSIAAN TINGKAT MARTABAT IPT	BERITA HARIAN MS 10	8/1/2024	KPT
11	KURIKULUM PENDIDIKAN TINGGI WAJAR DIPERBAHARUI	BERITA HARIAN MS 8	8/1/2024	KPT
12	30,000 PENSYARAH BERDEPAN TEKANAN	UTUSAN MALAYSIA MS 06	8/1/2024	KPT
13	LANGKAH BERPAHALA DIDIK MASYARAKAT BERTAKWA	HARIAN METRO MS 15	17/1/2024	AGAMA
14	KENALI SIFAT IMAM MAHDI PEMIMPIN AKHIR ZAMAN	HARIAN METRO MS 15	19/1/2024	AGAMA
15	MURID BOLEH PAKAI SERAGAM SEKOLAH DUA HARI SEMINGGU	BERITA HARIAN MS 5	20/1/2024	SEMASA
16	MAHASISWA, PENSYARAH WAJAR MANFAATKAN AKHBAR PERKAYA ILMU	BERITA HARIAN MS 10	20/1/2024	KPT
17	AMBILAN BAHARU PENJAWAT AWAM DIBUAT SECARA KONTRAK	BERITA HARIAN MS 07	24/1/2024	SEMASA
18	BADAN PENARAFAN TUNGGAL TVET DIWUJUDKAN	BERITA HARIAN MS 07	24/1/2024	KPT
19	KPI MAMPU UKUR PENCAPAIAN, HALA TUJU UNIVERSITI	UTUSAN MALAYSIA MS 05	24/1/2024	KPT
20	JANGAN JADI BATU API HAL RUMAH TANGGA	UTUSAN MALAYSIA MS 16	24/1/2024	RENCANA

KUNCI KEKAL KESEJAHTERAAN NEGARA

Islam mencantikkan kehidupan kepelbagaian kaum



Bersama
Mohd Rizal
Azman Rifin



Membina sebuah negara yang aman, damai dan harmoni bukanlah jalan mudah dan terhasi dalam masa yang singkat, namun untuk meruntuhkannya mudah sahaja



Negara kita Malaysia yang tercinta ini masih kekal ditakdirkan Allah SWT dapat berada dalam situasi aman, harmoni dan sejahtera. Bukan mudah untuk kita contoh sebuah negara yang rakyatnya pelbagai bangsa, budaya dan anutan agama, tetapi dapat menjalani kehidupan tanpa berdepan perbalahan.

Namun, Alhamdulillah, negara kita contoh terbaik dalam membina sebuah negara yang aman harmoni dan pastinya kejayaan membina insan warga yang penuh kepelbagaian ini menjadi 'cemburu hati' kepada negara lain.

Sebenarnya membina negara yang situasi kehidupan insan warganya saling berharmoni bukan suatu perkara yang mudah. Ia memerlukan pendekatan yang penuh hikmah dengan tidak menimbulkan rasa terpinggir mana-mana kaum atau anutan agama.

Alhamdulillah, syukur, atas kebijaksanaan para pemimpin terdahulu yang legasinya diteruskan pemimpin masa kini, maka terhasillah sebuah negara yang aman sejahtera. Berkat termaktubnya sebuah perlembagaan bertulis, iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menjadi wadah penyatuan rakyat.

Malah, Perlembagaan negara meletakkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara, pun demikian telah tertulis juga bahawa penganut agama lain tidak 'dianaktirikan', malah kebebasan diberikan ruang dan peluang untuk mengamalkan budaya dan amalan agama masing-masing. Ia juga satu nikmat kerana tiada sebarang unsur mendiskriminasi kaum dan agama diamalkan dalam sistem pemerintahan negara kita. Termaktub secara jelas menerusi Perkara 3(1), dalam perlembagaan menyatakan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Seandainya seluruh anggota masyarakat menghayati isi



PELBAGAI kaum bersatu menentang kezaliman Zionis Israel.

kandung Perlembagaan negara, khususnya dalam hal ehwal yang menyentuh amalan beragama, sudah tentu sesuatu yang tidak disenangi oleh setiap kaum dan penganut agama berkelahi dan bersengketa. Ini kerana apa yang dimaktubkan dalam Perlembagaan bukan sekadar bahan tonton untuk menjadi pelengkap kesahan wujudnya negara kita, sebaliknya Perlembagaan dibina atas semangat demi menjadikannya laksana 'payung kehidupan' untuk seluruh rakyat.

Justeru, amat malang apabila sesekali ada juga timbul cara dan gaya untuk mencampuri urusan agama lain kerana perilaku seperti itu memungkinkan akan meniupkan api sengketa antara kaum dan agama. Perkara urusan agama bukan boleh dibuat main. Hal ehwal agama sesuatu kaum bukanlah sesuatu bahan uji untuk menimbulkan rasa resah kepada kaum dan agama lain. Malah, dalam ajaran Islam sendiri perkara itu sangat dititik-beratkan dengan tidak mengizinkan sama sekali orang Islam daripada menghina anutan agama lain.

Kita seharusnya berpanduan kepada Firman Allah seperti yang terkandung dalam **Surah Al-Kafirun ayat 1 hingga 6**. Dalam ayat itu Allah menegaskan yang bermaksud, Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah

(Allah) yang aku sembah. "Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. "Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku."

Selain itu, Allah pernah mewahyukan kepada Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, "Di antara mereka ada orang yang beriman padanya (al-Quran), dan di antara mereka ada (pula) orang yang tidak beriman padanya. Tuhanmu lebih mengetahui tentang orang yang berbuat kerosakan. Jika mereka mendustakanmu (Nabi Muhammad), katakanlah, "Bagiku perbuatanku dan bagimu perbuatanmu. Kamu terlepas diri dari apa yang aku perbuat dan aku pun terlepas diri dari apa yang kamu perbuat." (**Surah Yunus ayat 40 hingga 41**)

Kalau Islam begitu bersungguh menganjurkan cara dan gaya hidup dengan saling hormat-menghormati sesama manusia tanpa dibayangi persengketaan yang berbau sensitiviti agama, maka penganut agama lain juga seharusnya turut sama menghormati dan menyantuni kehidupan masyarakat Islam. Apa sahaja isu yang boleh mencungkil rasa tidak senang dalam kalangan orang Islam seolah-olah membuat satu provokasi bagi menegangkan suasana yang harmoni.

Semua golongan tanpa mengira bangsa dan agama

seharusnya tetap kekal beristiqamah menghidupkan suasana yang rukun damai kerana ini sahajalah terwujudnya kesejahteraan. Jalan keamanan dan keharmonian sahajalah yang membolehkan agenda memaju negara, membangun masyarakat yang sejahtera dapat dilakukan dengan berjaya. Fenomena sosial dan beragama yang huru-hara akibat kosongnya sikap bertoleransi antara kaum dan agama di negara lain sepatutnya mencelikkan mata hati betapa mahalanya harga kehidupan berharmoni.

Sesungguhnya, membina sebuah negara yang aman, damai dan harmoni bukanlah jalan mudah dan terhasi dalam masa yang singkat, namun untuk meruntuhkannya mudah sahaja. Oleh itu, biar kita semua beringat dahulu kesan dan akibat buruk daripada menyesal tak berkesudahan di kemudian hari. Usah ditiup bara sengketa kerana lambat lain ia akan menyala membakar suasana. Tiada siapapun yang mahu hidup dalam keadaan yang penuh dengan 'duri sengketa', sebaliknya pasti kita semua mengharapkan untuk kekal bersituasi aman harmoni.

Jika seluruh warga mencintai keamanan negara ini, seharusnya mulut tidak sebarang melepaskan tutur bicara yang menghiris perasaan kaum lain, tidak akan melakukan sebarang usaha untuk cuba 'mengusik hati' dan sensitiviti agama kaum lain. Perbuatan provokasi berbaur agama dan kaum ibarat mencurahkan minyak ke dalam bara api yang membakar dan menghangus senario aman dan damai yang sedang kita kecap selama ini. Belajarlah dan ambillah ibrah daripada apa yang telah dan sedang berlaku di tempat lain.

Malaysia adalah negara kita bersama. Di sini kita dilahirkan. Di sini jugalah kita membesar dan mencari nafkah rezeki hidup. Di bumi tercinta inilah kita semua membina keluarga dan Insya-Allah mungkin di bumi ini juga kita disemadikan. Jadi, marilah bersama kita tetap kekal hidup bersendikan sikap saling hormat-menghormati dan bertoleransi. Usah ditiup api sengketa, kerana natijahnya parah sekali.

Penulis Pensyarah Kanan
Politeknik Muadzam Shah

Rencana

DR. MOHD UZIR
MAHIDIN

KELMARIN, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, telah berlangsung Majlis Peluncuran Pangkalan Data Utama (PADU) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pembangunan PADU yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia akan menjadi satu pangkalan data yang komprehensif yang seterusnya akan menjadi pemudah cara dalam usaha kerajaan melaksanakan intervensi berasaskan bukti.

Sebagai sebuah pangkalan data yang komprehensif mencakupi maklumat yang diperoleh daripada 455 agensi sektor awam serta data yang dikemaskini rakyat, PADU mampu untuk membantu kerajaan dalam merangka dasar dan melaksana program pembangunan dengan lebih baik ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat.

PADU mempunyai tujuh manfaat utama:

Pertama, PADU akan menambah baik pengurusan bantuan dan subsidi secara bersasar, termasuklah pelaksanaan subsidi ke atas petrol, diesel, elektrik dan tol.

PADU akan dijadikan sebagai sumber rujukan berpusat dan bertujuan menentukan kumpulan sasar yang benar-benar layak menerima bantuan dan subsidi serta mengurangkan ralat kemasukan dan pengecualian (*inclusion and exclusion error*) sekali gus meminimumkan keciciran dan ketidaktepatan kumpulan sasar.

Kedua, PADU juga akan memantapkan pengurusan bencana dan krisis. Dengan wujudnya PADU, lokasi dan profil individu yang terkesan akibat bencana dapat dikenalpasti dan dianalisis dengan lebih tepat dan terperinci. Ini seterusnya membantu dalam penyaluran bantuan dengan lebih cekap.

Amalan terbaik Korea Selatan dalam menangani krisis Covid-19 adalah satu inspirasi yang boleh diambil. Penggunaan teknologi dan data yang inovatif membolehkan mereka mempercepat pengesanan, pemantauan dan pengurusan krisis.

Ketiga, PADU juga mampu menangani isu ketidaksepadanan pekerjaan dan pendidikan. Dengan menyemak, mengemaskini

PADU: Banyak manfaat, dijamin selamat



ANWAR Ibrahim merasmikan pelancaran Pengkalan Data Utama (PADU) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 2 Januari lalu. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo (dua kiri). - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

dan mengisi maklumat di portal PADU, maklumat seperti pendapatan, pendidikan, pekerjaan dan geografi akan menjadi input analisa kerajaan bagi mengenal pasti individu yang mengalami isu ketidaksepadanan pekerjaan meliputi ketidaksepadanan menegak (tahap pendidikan), melintang (ketidakpadanan kursus/ bidang dengan pekerjaan) dan geografi (lokasi negeri/daerah/mukim).

Maklumat ini akan digunakan dalam pembentukan dasar sumber manusia dan program-program intervensi pasaran buruh yang lebih efisien, seiring dengan kerangka Ekonomi Madani: Memperkasa rakyat melalui dasar gaji progresif dan program-program meningkatkan bakat dalam negara.

Keempat, PADU juga akan mempersiapkan negara bagi menghadapi penduduk menua yang mana Malaysia kini berada pada peringkat masyarakat lanjut usia dengan 7.4 peratus adalah penduduk menua.

PADU dapat membantu dalam membentuk dasar kependudukan yang optimum dari segi keselamatan sosial dan pencen, merancang perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bersesuaian dengan keperluan seterusnya mencipta program atau latihan

yang meningkatkan kemahiran pekerja sekali gus dapat meningkatkan penglibatan warga emas dalam pasaran buruh.

Kelima, PADU dapat menjadi input bagi mengenal pasti dan mengatasi kesenjangan jaringan perlindungan sosial masyarakat.

Berbanding dengan 16.3 juta penduduk bekerja, statistik menunjukkan lebih 40 peratus penduduk bekerja tidak dilindungi dari sebarang musibah pekerjaan. Begitu juga isu ketidakcukupan simpanan wang persaraan yang berada pada tahap serius apabila 6.3 juta ahli di bawah 55 tahun yang merupakan 48 peratus daripada keseluruhan ahli mempunyai baki simpanan kurang dari RM10,000 dalam akaun mereka setakat 30 September 2023.

Melalui PADU, sistem perlindungan sosial rakyat dapat diperkukuhkan.

Keenam, PADU juga berpotensi dalam menyokong pengurusan belanjawan yang lebih strategik menerusi pengurusan subsidi dan bantuan yang lebih bersasar. Belanjawan 2023 memperuntukkan sejumlah besar 74.8 peratus bagi bajet mengurus yang mana 22.1 peratus daripadanya diperuntukkan bagi subsidi dan bantuan sosial.

Melalui inisiatif pelaksanaan

subsidi dan bantuan yang bersasar, penjimatan yang diperoleh dapat digunakan bagi pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Ketujuh, PADU juga akan menjadi pemangkin kepada kerajaan digital.

TRANSFORMASI

Melalui penggunaan data dan analitik, PADU secara langsung akan mengemudi transformasi kerajaan digital yang lebih bermaklumat, bermanfaat dan berkesan sebagai salah satu e-perkhidmatan kerajaan dengan:

- Menyelaras perkhidmatan dengan lebih teratur, holistik dan mempunyai impak yang signifikan kepada kumpulan sasar.

- Mendorong kerajaan ke arah pembangunan dan usaha kemampanan yang lebih baik bagi meningkatkan kualiti taraf hidup.

- Menangani cabaran dalam membangunkan negara ke arah yang lebih baik seperti meminimumkan penyebaran penyakit, menangani perubahan iklim dan lain-lain.

Ada beberapa komentar dibuat yang mempersoalkan tahap keselamatan PADU. Suka ditekankan bahawa sistem PADU dijamin selamat.

Ini kerana dalam memastikan kelangsungan PADU, tiga perkara utama

keterjaminan keselamatan telah diambil kira dalam iaitu dari aspek keselamatan data, sistem dan rangkaian.

Bagi memastikan kerahsiaan data terjamin, Lapisan Kawalan Akses Capaian Data (RBAC) diwujudkan. Data PADU juga dilindungi dengan penyulitan data *end-to-end* serta membangunkan dokumen kawalan keselamatan data sebagai panduan dan amalan semua ahli pasukan.

Sistem ini juga telah memenuhi ciri-ciri keselamatan yang digariskan di peringkat antarabangsa. Ia juga melibatkan pematuhan keselamatan Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA), Dasar Keselamatan ICT (DKICT), garis panduan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan melalui proses ujian keselamatan Penilaian Postur Keselamatan (SPA).

Untuk memastikan keselamatan terjamin, pengesahan Pelbagai Faktor (MFA) bagi kawalan capaian sistem melalui pendaftaran pengguna dan log masuk menggunakan nama pengguna, kata laluan dan kod laluan sekali (OTP) yang dijana melalui emel atau khidmat pesanan ringkas (SMS).

Selain itu, pengesahan identiti individu secara elektronik (eKYC) juga diwujudkan bagi menentusahkan pengenalan dan identiti individu serta bagi kemas kini maklumat.

Manakala bagi memastikan rangkaian sistem selamat, ia dilengkapi dan mematuhi aplikasi web *Firewall* dan mempunyai pusat operasi keselamatan (SOC).

Malah, sekiranya berlaku sebarang perkara tidak diingini, PADU melalui Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Siber Sektor Awam (CSIRT) sentiasa bersiap siaga mengendalikan melalui prosedur sepatutnya.

Kesimpulannya, pengwujudan PADU sebagai satu pangkalan data yang komprehensif adalah satu anjakan besar dalam sistem pentadbiran negara. Ia memberi manfaat yang cukup besar manakala tahap keselamatannya pula tidak perlu diragui.

DATUK Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin adalah Ketua Perangkawan Malaysia.

Ketua jabatan kena kawal pinjaman penjawat awam

Langkah elak kakitangan terjerat masalah hutang serius

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua jabatan diarah memantau jumlah gaji penjawat awam bagi tujuan membayar hutang, selain tidak menyokong atau meluluskan permohonan pinjaman baharu sekiranya ia boleh menyebabkan pegawai awam berkenaan menerima pendapatan bersih kurang daripada 40 peratus.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed, berkata semua ketua jabatan juga perlu mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang didapati melakukan penipuan, termasuk ada yang memalsukan penyata gaji bagi tujuan mendapatkan pinjaman.

Beliau bimbang jika jumlah pinjaman diambil kakitangan awam tidak dipantau ia boleh menyebabkan mereka terjerumus dalam masalah hutang yang serius.

"Kerajaan mengawal permohonan pinjaman peribadi dengan

menetapkan bahawa pemotongan yang dibuat menerusi Angkasa juga hendaklah dikemukakan kepada ketua jabatan terlebih dahulu untuk kelulusan.

"Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap pegawai awam supaya tidak terjerumus dalam hutang kewangan yang serius kerana keadaan itu boleh menyebabkan pegawai terbabit dengan perlakuan rasuah," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian mengulas amalan berhutang dalam kalangan penjawat awam hingga menyebabkan ada antara mereka yang dikatakan membawa pulang pendapatan bersih yang kecil bagi menyara kehidupan keluarga sepanjang bulan susulan beban hutang yang tinggi.

Satu kes yang dirujuk berdepan masalah hutang serius itu membabitkan pasangan penjawat awam yang mempunyai tiga anak, dengan isteri bekerja sebagai guru Gred 41, manakala suami anggota polis berpangkat konstabel. Pasangan itu dilaporkan mempunyai dua kereta iaitu Proton X70 dan Perodua Bezza.

Susulan masalah hutang dan pinjaman yang ditanggung kedua-duanya, baki gaji bulanan guru berkenaan adalah RM400, manakala suaminya hanya tinggal RM150.

Malah, ada laporan sebelum ini mendedahkan kumpulan penjawat awam berhadapan masalah

Eksklusif

hutang yang serius dan terjebak dengan pinjaman along.

Patuhi peraturan ditetap

Mengulas lanjut, Zulkapli berkata, kerajaan menetapkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai awam menerusi subperaturan 13(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) [P.U. (A) 395/1993] yang memperuntukkan mereka tidak boleh dengan apa-apa cara menyebabkan diri berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

Semua ketua jabatan juga perlu mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang didapati melakukan penipuan, termasuk ada yang memalsukan penyata gaji bagi tujuan mendapatkan pinjaman

Zulkapli Mohamed
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Katanya, subperaturan 13(7) P.U. (A) 395/1993 menjelaskan keterhutangan kewangan yang serius bermaksud keadaan hutang seseorang pegawai yang setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggungnya, sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

Selaras dengan subperaturan 13(8)(a) P.U. (A) 395/1993, seseorang pegawai awam dikatakan berada dalam keterhutangan kewangan yang serius apabila jumlah hutang yang tidak bercagar adalah melebihi 10 kali emolument bulannya.

Ini bermaksud baki gaji akhir adalah kurang daripada 40 peratus. Oleh yang demikian pegawai awam hanya dibenarkan berhutang 60 peratus daripada emolument dan mempunyai baki gaji sekurang-kurangnya 40 peratus.

rangnya 40 peratus.

Turut menjadi panduan adalah Surat Edaran JPA bertarikh 24 Januari 2017 dengan nombor rujukan JPA.BK(S)328/2 Jld.13(9) berkaitan Pemantauan Ke Atas Pegawai Yang Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius," katanya.

Zulkapli berkata, walau apapun, subperaturan 13(3) P.U. (A) 395/1993 memperuntukkan jika keterhutangan kewangan yang serius sudah berlaku akibat malang yang tidak dapat dielakkan, kerajaan boleh memberi pegawai itu apa-apa bantuan sebagaimana yang wajar mengikut hal keadaan.


Katanya, dalam hal ini, ketua jabatan boleh merujuk pegawai terbabit kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan bantuan bagi menguruskan hutang.

"Bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang berhemah, kerajaan juga mengadakan kursus literasi kewangan peribadi kepada semua pegawai awam.

"Ia dilakukan menerusi pusat latihan seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan pelaksanaan kursus secara *in house* (dalaman) yang dilaksanakan menggunakan peruntukan latihan yang dirangka di bawah pelan operasi latihan (POL) Kementerian dan jabatan masing-masing," katanya.



ndapat/gambar melalui forumutusan@mediamulia.com.my atau 019-990 0761 Forum



PERMAINAN sentimen agama, kaum dan institusi raja secara berlebihan dan tidak bertanggungjawab mesti dinoktahkan. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Rukun Negara benteng ampuh hadapi polemik 3R

SAUDARA PENGARANG,

MEMASUKI tahun baharu 2024, Malaysia perlu bergerak secara progresif dan mapan khususnya dalam memacu pertumbuhan ekonomi serta kelestarian sosial. Namun, jika polemik 3R (agama, kaum dan institusi raja) berterusan, Malaysia pasti berdepan dengan pergaduhan dalaman yang hanya merugikan dan membantut pembangunan negara.

Dalam usaha ini, kita perlu semak dan hayati kembali Rukun Negara yang selama ini menjadi teras pembentukan Negara Malaysia yang berdaulat.

Kini, setelah 53 tahun Rukun Negara diperkenalkan, akibat kekeliruan politik yang barlarutan, Malaysia sedang bergelut dengan krisis perpaduan bangsa era baharu yang antara lain, berpunca dari polemik 3R.

Jika kita hayati lima Prinsip Rukun Negara, ia jelas memperlihatkan satu ramuan ampuh untuk kita membenam polemik 3R ini.

Prinsip Kepercayaan kepada Tuhan mendorong rakyat Malaysia untuk mengambil iktibar dari tradisi keagamaan yang pelbagai untuk mencari titik persamaan dan membina masyarakat yang menghormati dan meraikan pluralisme agama.

Perkara 3 dan 11 Perlembagaan Persekutuan telah dengan jelas menyatakan berkenaan Agama Islam sebagai agama rasmi serta tidak menafikan kebebasan agama lain untuk dianuti rakyat negara ini. Ketegasan ini sepatutnya menjadi penamat kepada sebarang usaha mempersenda mana-mana agama oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kesetiaan kepada raja dan negara menjadi batu asas perpaduan nasional. Perkembangan politik negara lima tahun ke belakang ini membuktikan kepentingan institusi diraja dalam mententeramkan gejolak politik yang melanda.

Prinsip keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang pula menekankan kepentingan menjunjung Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara.

Prinsip ini menyeru warganegara untuk turut serta secara aktif dalam proses demokratik demi menjaga nilai-nilai keadilan yang termaktub dalam Perlembagaan.

Pemerintahan berdasarkan undang-undang akan menggalakkan keadilan, kesaksamaan dan mencipta persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi dan keyakinan pelabur asing.

Manakala prinsip kelima iaitu kesopanan dan kesusilaan sememangnya amat penting untuk disuburkan kembali. Dalam dunia capaian maklumat tanpa sempadan dan kepesatan kecerdasan buatan (AI), penyampaian maklumat secara bertanggungjawab dan sopan perlu diterapkan ke seluruh peringkat usia warga Malaysia. Perbezaan pendapat dan pandangan perlu dileraikan secara sopan dan susila.

Kandungan internet khususnya media sosial yang mempamerkan perdebatan politik melalui provokasi dan kekeluparan melampau perlu dihentikan kerana ia akan merosakkan generasi, peradaban bangsa serta imej negara.

Permainan sentimen agama, kaum dan institusi raja secara berlebihan dan tidak bertanggungjawab mesti dinoktahkan.

Hadam dan hatilah Rukun Negara sebagai panduan untuk kita mencanai kemakmuran Malaysia yang tercinta.

SHAFRY SALIM

Timbalan Pengarah
Pusat Kepimpinan dan Kompetensi,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Rencana

Utusan Malaysia
JUMAAT • 5 JANUARI 2024

14

Belajarlal dari Korea Selatan baihi CPI

MOHAMAD
TARMIZE
ABDUL MANAF

ANTARA perkara penting yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa Majlis Peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat ialah sasaran Malaysia untuk berada di kedudukan 25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI). Komitmen besar kerajaan ini disasarkan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Walaupun banyak pihak berpandangan bahawa CPI bukan pengukur sebenar situasi rasuah di sesebuah negara, namun indeks tersebut tidak boleh dipandang ringan kerana membabitkan imej negara di persada dunia.

Korea Selatan adalah antara negara yang berjaya memperbaiki skor dan kedudukan dalam CPI. Dalam CPI 2016, Korea Selatan memperoleh skor sebanyak 53 mata dan berada di kedudukan ke-52 daripada 176 negara. Selepas itu, enam tahun berturut-turut Korea Selatan merekodkan peningkatan dalam indeks dunia itu. Terkini, CPI 2022 menunjukkan skor Korea Selatan meningkat 10 mata iaitu kepada 63 mata dan berada di kedudukan ke-31 daripada 180 negara.

Bukan hendak merendahkan negara sendiri. Hakikatnya, skor dan kedudukan Malaysia dalam CPI dilihat tidak banyak berubah. Malah, merekodkan trend menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sebagai perbandingan dengan Korea Selatan, dalam CPI 2016, skor Malaysia adalah 49 mata dan berada di kedudukan ke-55 daripada 176 negara. Enam tahun berlalu, CPI 2022 menunjukkan skor Malaysia menurun kepada 47 mata dan berada di kedudukan ke-61 daripada 180 negara.

Ironinya, sebelum 2006, CPI Malaysia adalah lebih baik berbanding Korea Selatan.

Malaysia dan Korea Selatan pernah berkongsi skor dan kedudukan yang sama dalam CPI 2007, iaitu skor 5.1 (format lama CPI) dan kedudukan ke-43 daripada 179 negara.

POLITIK

Korea Selatan bukan negara yang terkenal dengan anggota pentadbiran dan ahli



ISU Lee Myung-Bak yang dihukum penjara 17 tahun selepas menerima rasuah membebaskan pengerusi syarikat Samsung, Lee Kun-Hee daripada cukai perlu dijadikan pengajaran buat pemimpin dan rakyat negara ini.



Hakikatnya, skor dan kedudukan Malaysia dalam CPI dilihat tidak banyak berubah. Malah, merekodkan trend menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini."

politik yang bersih daripada rasuah. Beberapa pemimpin tertinggi Korea Selatan pernah dihadapkan ke mahkamah kerana jenayah itu.

Antaranya, bekas Perdana Menteri ke-33, Han Myeong-Sook (19 April 2006 - 7 Mac 2007) dipenjarakan dua tahun kerana menerima sumbangan politik (rasuah) berjumlah 900 juta won (RM3 juta); bekas Presiden ke-11, Park Geun-Hye (25 Februari 2013 - 10 Mac 2017) dipenjarakan 20 tahun kerana menerima rasuah 23.1 juta won (RM80,000) daripada beberapa syarikat besar; bekas Perdana Menteri ke-39, Lee Wan-Koo (17 Februari 2015 - 2 Julai 2015) didakwa di mahkamah kerana menerima sumbangan politik tidak sah berjumlah 30 juta won (RM100,000).

Bagaimanapun, Wan-Koo dibebaskan dari pertuduhan; dan bekas Presiden ke-10, Lee Myung-Bak (25 Februari 2008 - 24 Februari 2013) dihukum

penjara 17 tahun kerana menerima rasuah 11 bilion won (RM40 juta) bertujuan membebaskan pengerusi syarikat Samsung, Lee Kun-Hee yang dipenjarakan atas kesalahan mengelak cukai.

Di Korea Selatan, usaha pencegahan rasuah diterajui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan Hak Asasi Manusia (ACRC). ACRC tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan. Tanggungjawab utama ACRC adalah merangka polisi berkaitan pencegahan rasuah, melaksanakan inisiatif kesedaran dan aktiviti kesedaran awam.

Siasatan dan pendakwaan kes rasuah dijalankan pasukan polis, pejabat pendakwa raya dan agensi baharu iaitu Pejabat Siasatan Rasuah bagi Pegawai Berpangkat Tinggi (CIO).

Korea Selatan mempunyai beberapa inisiatif besar dalam mengukuhkan integriti warga kerja sektor awam. Perkara ini menyumbang kepada peningkatan CPI Korea Selatan. Untuk rekod, CPI sebenarnya mengukur tahap rasuah dalam perkhidmatan awam.

Inisiatif pertama, penjawat awam Korea Selatan diwajibkan mengikuti kursus integriti, etika dan pencegahan rasuah. Latihan tahunan ini dianjurkan oleh Institut Latihan Pencegahan Rasuah, ACRC. Agensi lain seperti Institut Pembangunan Sumber Manusia Negara (NHI) turut menganjurkan kursus berasaskan integriti dan etika.

Inisiatif kedua, semua

agensi awam di Korea Selatan akan menghadapi penilaian berkaitan integriti. ACRC melaksanakan Penilaian Integriti Komprehensif Institusi Awam (CIA) bagi menilai dan memberi gred tertentu kepada lebih 500 agensi awam di Korea Selatan. Menariknya, gred setiap agensi awam akan dihebahkan kepada umum. CIA dijalankan secara tahunan dengan peruntukan kewangan sekitar USD2 juta.

Secara ringkasnya, CIA melihat kepada tahap integriti, menilai usaha-usaha yang dilakukan untuk meningkatkan integriti dan mengukur insiden rasuah dalam agensi awam. Seterusnya, CIA mencadangkan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh agensi terbabit untuk menambah baik gred mereka.

Di negara kita, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaksanakan dua penilaian agensi awam yang hampir sama dengan CIA iaitu Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam dan Kajian Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Inisiatif Pencegahan Rasuah Agensi Awam.

Berbeza dengan CIA, dapatan kajian SPRM tidak dihebahkan kepada umum. Sebagai penambahbaikan, pendekatan seperti mana CIA wajar diaplikasi dengan menghebahkan dapatan kajian kepada umum.

Inisiatif ketiga, sistem pengisytiharan harta yang telus.

Anggota pentadbiran kerajaan dan pegawai tinggi agensi awam wajib mengisytiharkan harta mereka setiap tahun. Perkara ini dikuatkuasakan melalui Akta Etika Perkhidmatan Awam yang dikawal selia oleh Kementerian Pengurusan Personel. Pengisytiharan harta ini boleh diakses oleh orang awam.

BUDAYA INTEGRITI

Korea Selatan dilihat berjaya membentuk budaya rakyatnya agar tidak berkompromi kepada rasuah, penyelewengan dan salah laku. Penjawat awam dilatih agar sentiasa berhati-hati dalam menerima hadiah daripada pihak yang berurusan rasmi dengan mereka.

Di sekolah, menjadi kebiasaan untuk murid memberi hadiah kepada guru sempena Hari Guru. Di Korea Selatan, pentadbiran sekolah meletakkan nilai maksimum harga hadiah. Dengan kata lain, hanya dibenarkan hadiah yang murah.

Perkara ini bukan sahaja mendidik guru tetapi melatih ibu bapa agar tidak menjadikan hadiah sebagai alasan memberi rasuah.

TAMBAH BAIK INISIATIF NEGARA

Dalam konteks Malaysia, inisiatif dan usaha yang dilaksanakan tidak kurang hebatnya. Malaysia mempunyai Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 iaitu dasar negara berkaitan pencegahan rasuah. Banyak usaha dilaksanakan merangkumi tindakan penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan.

Tidak dinafikan bahawa kejayaan SPRM membongkar jenayah rasuah berprofil tinggi dan berkepentingan awam telah meningkatkan kredibiliti suruhanjaya itu. Bagaimanapun, usaha ini terbukti tidak cukup untuk memperbaiki CPI Malaysia.

Pencegahan rasuah yang berkesan memerlukan komitmen kerajaan, penguatkuasaan yang tegas, pelaksanaan inisiatif pencegahan dan pendidikan secara menyeluruh, ditambah elemen ketelusan dalam pentadbiran kerajaan.

Bagi merealisasikan sasaran kerajaan untuk berada di kedudukan 25 teratas dalam CPI, banyak perkara yang boleh dipelajari dari Korea Selatan.

PENULIS ialah Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelidikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

sabtu 6/11/2024

Nasional

3

Pendidikan TVET sebelum Tingkatan Empat masih dibincang

Kuala Lumpur: Cadangan supaya pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bermula sebelum Tingkatan Empat, masih dalam perbincangan kerana ia melibatkan beberapa implikasi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tanpa memperincikan implikasi terbabit, Perdana Menteri berkata, TVET yang dilaksanakan mengikut tahap ketika ini adalah memadai berikutan kapasiti program itu juga terbatas.

"Laporan jawatankuasa Kabinet setuju, peringkat ini (adalah) selepas Tingkatan Tiga. Untuk ia (TVET) ke bawah lagi, memang dalam diskusi kerana ada implikasi lain.

"Tetapi kalau bermula selepas Tingkatan Tiga, saya ingat permulaan satu ke dua tahun ini cukup dan memadai," katanya pada sesi dialog selepas merasmikan Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC KL), di sini semalam.

Anwar menjawab soalan dikedukarkan peserta yang mencadangkan keperluan program TVET dilaksanakan bermula dari sekolah rendah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap potensi bidang berkenaan. Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut meminta ahli akademik di universiti untuk mengkaji dan menerokai bidang baharu seiring hasrat kerajaan menarik lebih banyak pelaburan luar.

Beliau berkata, langkah itu

bertepatan dengan usaha memenuhi keperluan industri yang menyaksikan beberapa syarikat gergasi antarabangsa bersetuju untuk meningkatkan pelaburan di negara ini.

Mengenai konsep 'post normal time' pula, Anwar berkata, setiap perkara yang ingin dilaksanakan seperti proses tender, masih memerlukan peraturan tertentu tetapi dilakukan dalam tempoh singkat mengikut kesesuaian.

"Saya buat 'test case' untuk Kabinet yang biasanya mengambil masa satu tahun setengah berdasarkan pengalaman lama. Saya minta KSU (Ketua Setiausaha Kementerian) bawa kepada menteri dan ke Kabinet, kita lulus dalam masa dua bulan.

"Proses masih dibawa sebab saya tidak mahu bertolak ansur soal tender kerana banyak sangat kecurian, rundingan yang merugikan kita berpuluh bilion ringgit setahun.

"... (tetapi) kalau tender proses biasa lapan bulan untuk buat keputusan, kita adakan kaedah dan cara lebih baik, sama ada tender prakelayakan terpilih 10 syarikat yang melepasi syarat tertentu, boleh diluluskan dalam tiga bulan atau maksimum empat bulan," katanya.

Anwar berkata, sama seperti yang dilaksanakan jawatankuasa Kabinet selepas setiap kali mesyuarat mingguan berlangsung, laporan akan dikemukakan dalam tempoh satu hingga dua minggu saja bagi setiap kementerian membuat ulasan masing-masing, berbanding terdahulu tiga hingga enam bulan.

BERNAMA

Beri ruang, kelonggaran kepada IPT - Anwar

Bagi wujudkan idea-idea baharu dalam bidang pendidikan negara

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu kepimpinan di institusi pengajian tinggi (IPT) diberi ruang dan kelonggaran untuk mewujudkan idea-idea baharu dalam bidang pendidikan negara.

Beliau berkata, langkah ini penting bagi memastikan IPT negara mampu bersaing dengan lebih baik di peringkat serantau dan dunia, sekali gus melahirkan mahasiswa berdisiplin serta berkualiti tinggi.

"Kementerian Pendidikan Tinggi hanya harus selaraskan (program) bagi mengelakkan apa-apa pertindihan atau permasalahan, tapi beri lebih banyak ruang kepada universiti, lihat lebih banyak program yang lebih baik, kalau tidak kita ubah kepimpinan (IPT)," katanya di sini pada Jumaat.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi, yang turut dihadiri Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Berdasarkan pengalamannya sebagai tenaga pengajar, termasuk sebagai felo pelawat (*visiting fellow*) di beberapa universiti, Anwar melihat walaupun sistem pendidikan barat mempunyai kelemahan, namun ia juga memiliki kelebihan dalam beberapa aspek, termasuk disiplin pembelajaran yang tinggi.



Anwar pada sesi dialog selepas merasmikan Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada Jumaat.

Perdana Menteri berkata, disiplin yang tinggi dan usaha bersungguh-sungguh untuk menimba ilmu, amat diperlukan oleh mahasiswa negara ini agar boleh menjadi lebih berdaya saing, misalnya dalam sudut pembangunan kajian lebih berkualiti dan bermanfaat.

Menyentuh soal bahasa, Anwar berkata, walaupun penggunaan bahasa Melayu diutamakan dalam pengajaran dan pembelajaran, namun IPT juga haruslah melihat kepada kepentingan meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa bermula sekarang.

Mengambil contoh Indonesia dan Thailand, beliau berkata, walaupun kedua-dua negara berkenaan dilihat serius dalam mengutamakan penggunaan bahasa ibunda masing-masing, namun penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan anak muda mereka di universiti tempatan, jauh lebih baik berbanding Malaysia.

"Jadi jangan kita jadinya menjerit soal

bahasa, kemudian fobia bila kita sebut penguasaan bahasa Melayu, ada juga golongan agak elit, dia fobia bila sebut ini," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengajak golongan pemikir, intelek dan ahli akademik untuk bersama-sama membantu beliau dalam memperbaiki kelemahan negara, selain mengangkat martabat anak-anak muda dalam pembelajaran.

"Pokoknya dalam kalangan pemikir bangsa, keutamaannya adalah menggunakan ruang perbaiki kelemahan kita, keutamaan kita mendidik anak-anak kita supaya dalam masa lima enam tahun, mereka bersaing dengan yakin dengan negara-negara maju di dunia ini.

"Tidak mudah tapi saya yakin dengan kekuatan Kerajaan Perpaduan walaupun ia rencam, saya belum hadapi satu pun masalah besar tatkala merangka keutamaan penting baik ekonomi, pelaburan, digital atau tenaga," katanya. - Bernama

Wacana Strategi KPT

Model luar jadi rujukan angkat martabat IPT

Pakar industri dan profesional diajak perkasa universiti tempatan

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sehari selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar cendekiawan institut pengajian tinggi (IPT) membuat anjakan paradigma dalam sistem pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membuat beberapa keputusan untuk mengangkat martabat universiti tempatan.

Antara keputusan dicapai hasil perbincangan bersama pada sesi pemukiman sempena Wacana Strategi KPT yang berlangsung dua hari di sini sejak kelmarin, adalah menjemput pakar

industri dan profesional dari luar untuk bersama-sama cendekiawan serta pemimpin universiti memperkasa IPT.

Pada sesi pemukiman itu juga dipersetujui, model pengajian universiti terkemuka di seluruh dunia akan akan dikaji dan diterapkan dalam pengajian di IPT tempatan, termasuk dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir, juga memberi jaminan antara perubahan besar yang akan dilaksanakan adalah dengan mempercepatkan segala dasar dan pembaharuan yang dibincangkan pada wacana dua hari itu.

"Pada hari ini (semalam) saya telah berbincang dan membuat keputusan pada sesi pemukiman, universiti bukan hanya memba-bitkan orang dalam sahaja, tetapi kita juga akan bawa orang luar sama ada dari industri atau profesional.

"Mereka ini akan dibawa dan duduk sekali melihat teori dan amalan (program pengajian) supaya ia dapat memberi kesan



Anwar dan Zambry bersama wakil institut pengajian tinggi pada Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto BERNAMA)

yang lebih baik," katanya kepada BH, semalam.

Zambry berkata, keputusan itu perlu dilaksanakan untuk memastikan pengajian di universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain menepati keperluan semasa.

Ketika melancarkan Wacana Strategi KPT di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC) kelmarin, Anwar mencabar cendekiawan dan pemimpin universiti untuk melakukan anjakan paradigma dalam mendepani cabaran dunia pasca normal.

Elak negara ketinggalan

Perdana Menteri juga berkata, jika pimpinan universiti dan pemimpin masih merencana formula sama seperti mana yang dilakukan 20 atau 30 tahun lalu, negara akan ketinggalan.

Anwar juga meminta KPT memberi lebih banyak ruang dan kelonggaran kepada pengurusan universiti untuk mewujudkan program pendidikan yang lebih

PM cabar cendekiawan IPT buat anjakan paradigma

Ketika Perdana Menteri melancarkan Wacana Strategi KPT di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC) kelmarin, Anwar mencabar cendekiawan dan pemimpin universiti untuk melakukan anjakan paradigma dalam mendepani cabaran dunia pasca normal.

Keratan akhbar BH, semalam.

baik, supaya IPT kita mampu bersaing pada peringkat serantau dan dunia.

Mengulas lanjut, Zambry berkata, KPT mahu melihat model pengajian dari universiti ternama di luar negara, termasuklah pendidikan TVET kerana ia menjadi bidang yang penting untuk diterokai dalam dunia baharu hari ini.

"Kita perlu mengkaji sama ada model itu bersesuaian dan kalau ada kelebihan kita akan adaptasi dalam program pengajian tempatan.

"Mungkin ada model kita boleh gabungkan untuk memberi yang

terbaik dari segi peluang pekerjaan dan membentuk generasi hari ini," katanya.

Mengulas lanjut mengenai cabaran Perdana Menteri, Zambry berkata teguran Anwar adalah supaya setiap IPT tidak hanya bersikap tunggu dan lihat, sebaliknya sentiasa mempersiapkan diri untuk berubah dan maju.

"Perdana Menteri memberi peringatan betapa pentingnya institusi pendidikan negara, politeknik dan kolej komuniti merangka program sesuai dengan keperluan masa depan negara, termasuk kecerdasan buatan (AI), yang kini menjadi teras utama ekonomi dan perkembangan ilmu.

"IPT tidak lagi boleh tunggu dan lihat sebaliknya membuat perancangan dengan teliti bagaimana mahu menghadapi cabaran baharu ini memandangkan ilmu dan teknologi baharu hari ini bergerak adalah begitu pantas," katanya.

BH AHAD 7 Januari 2024

Nasional

3

Wacana Strategi KPT

Universiti banyak tapi kepakaran merosot

IPT sedia ada perlu jadi kluster terajui bidang STEM, sains sosial dan pertanian

Kuala Lumpur: Malaysia mempunyai terlalu banyak universiti sehingga menyukarkan tumpuan untuk membangunkan bidang tertentu yang boleh membantu negara.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Monash University, Prof Datuk Dr Adeeba Kamaruzaman,

berkata pertumbuhan pesat universiti menyebabkan kepakaran dalam bidang berkenaan merosot.

Katanya, apa yang perlu dilakukan adalah meletakkan universiti sedia ada sebagai satu kluster untuk menerajui bidang tertentu seperti bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi (STEM), sains sosial, pertanian dan keterjaminan makanan.

"Kita perlu memaksa mereka untuk bekerjasama kerana dalam bidang sains, saintis tidak boleh bekerja secara solo.

"Jika tidak boleh bekerjasama, kita mungkin perlu menggabungkan universiti-universiti yang ada," katanya pada sesi forum Wacana Strategi Kementerian



Adeeba, Abdul Razak dan Presiden Management Science Universiti, Prof Tan Sri Datuk Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid (tengah) pada Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi di WTC KL, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

Pendidikan Tinggi (KPT) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC KL), di sini semalam.

Rangka hala tuju KPT

Program selama dua hari bermula kelmarin bertujuan menyelaraskan semula strategi selain merangka hala tuju strategik KPT, mencadangkan program atau inisiatif serta membincangkan isu strategik KPT dan cadangan penyelesaian tahun ini.

Pelaksanaan objektif wacana ini diterjemahkan dalam beberapa sesi pembentangan dan forum secara interaktif oleh pembentang, ahli panel serta pakar dalam bidang masing-masing.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Sementara itu, Pengerusi Education Malaysia Global Services, Dr Abdul Razak Ahmad, berkata dalam pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara, tumpuan masih diberikan kepada jumlah pelajar antarabangsa dan bukannya melakukan kajian secara global atau membawa universiti global datang ke negara ini.

Katanya, dalam hal pengantarabangsaan pendidikan tinggi, Malaysia sudah mula lebih awal daripada negara lain dan mempunyai pendekatan yang sangat progresif.

"Bagaimanapun, Malaysia perlu menawarkan sesuatu yang lebih menarik kepada pelajar antarabangsa.

"Kita memerlukan lebih banyak kajian, universiti dan juga

perkongsian global dan ini tidak berlaku. Dalam tempoh 10 tahun lalu, kita tidak melihat pembukaan cabang universiti asing yang baharu di negara ini. Malah kita juga tidak mampu membawa universiti kita ke negara luar," katanya.

Abdul Razak berkata, selama ini kita hanya melihat pelajar antarabangsa sebagai punca pendapatan untuk menampung kewangan sesetengah universiti dan bukannya sebagai manfaat masa hadapan untuk negara.

"Saya rasa itu perlu diubah kerana pelajar antarabangsa boleh memberikan pelbagai impak berganda sekiranya mereka dibenarkan untuk menyumbang kepada negara selepas bergraduan," katanya.

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Isnin, 8 Januari 2024 BH

Lahir pelajar kritis, pejuang isu kemanusiaan tingkat martabat IPT

- Setiap universiti di negara ini memiliki tanggungjawab besar untuk tidak hanya melahirkan individu mahir dalam bidang akademik, bahkan memiliki kepekaan terhadap isu kemanusiaan mendalam

- Mahasiswa sebagai ejen perubahan, perlu memandang isu ini sebagai ujian sejauh mana mereka mampu berfikir kritis dan bertindak proaktif terhadap realiti dunia



Oleh Shafezah Abdul Wahab
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi &
Pengajian Media,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM) Melaka

Isu dan cadangan penyelesaian diutarakan dalam Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berlangsung di ibu kota selama dua hari berakhir semalam tentunya menuntut pelbagai perubahan menyeluruh sama ada pada peringkat kementerian mahupun universiti sendiri.

Apatah lagi wacana itu dimulakan dengan cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada cendekiawan institusi pengajian tinggi (IPT) untuk membuat anjakan paradigma dalam sistem pendidikan.

Perdana Menteri juga mahu KPT memberi lebih banyak ruang dan kelonggaran kepada pihak pengurusan universiti untuk mewujudkan program pendidikan lebih baik untuk memastikan IPT negara mampu bersaing lebih baik pada peringkat serantau dan dunia, sekali gus melahirkan pelajar berdisiplin serta berkualiti tinggi.

Pastinya wacana itu bakal menjadi landasan tepat untuk merealisasikan hasil perbincangan bersama pada sesi pemukiman itu, apatah lagi Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir turut memberikan jaminan untuk mempercepatkan segala dasar dan pembaharuan yang dibincangkan.

Hakikatnya, universiti bukan sekadar tempat untuk mendapatkan gelar akademik tetapi harus dianggap sebagai pusat kecemerlangan moral, inte-

lektual dan kemanusiaan.

Bertolak daripada kesedaran itu, peranan universiti tidak hanya terletak dalam penyampaian ilmu, tetapi juga dalam membentuk generasi mampu berfikir kritis, bermoral tinggi dan bersedia untuk berjuang bagi keadilan dan kemanusiaan.

Setiap universiti di negara ini memiliki tanggungjawab besar untuk tidak hanya melahirkan individu mahir dalam bidang akademik, bahkan memiliki kepekaan terhadap isu kemanusiaan mendalam seperti konflik dan perang di Palestin yang semakin kritikal.

Ini menjadikan kecemerlangan universiti tidak hanya diukur daripada prestasi akademik mahasiswa, tetapi juga daripada sumbangan mereka dalam menangani isu global memerlukan tindakan segera yang sebenarnya dilakukan di universiti terkemuka dunia.

Pelopor perubahan positif

Dalam soal serangan Israel terhadap Palestin misalnya, ia tidak boleh dianggap remeh, sebaliknya menjadi ujian moral dan kemanusiaan kepada warga sejagat. Ini adalah panggilan untuk membangkitkan semangat kepekaan dan tindakan dalam kalangan mahasiswa agar tidak hanya menjadi pengguna ilmu, bahkan pelopor perubahan positif dalam dunia dipenuhi konflik dan ketidakadilan.

Pentingnya universiti dalam menyuarakan solidariti terhadap rakyat Palestin bukan hanya sebagai tindakan simbolik, tetapi sebagai perjuangan kritis terhadap penindasan dan ketidakadilan. Mahasiswa sebagai ejen perubahan, perlu memandang isu ini sebagai ujian sejauh mana mereka mampu berfikir kritis dan bertindak proaktif terhadap realiti dunia.

Kita tidak boleh mengabaikan konflik di Palestin

sebagai isu politik semata-mata. Ia adalah isu berkaitan dengan hak asasi manusia, akidah dan martabat kemanusiaan. Oleh itu, universiti perlu menjadi tempat di mana nilai kemanusiaan diperjuangkan dengan gigih dan tidak hanya menjadi medan pertempuran politik memecahbelahkan.

Peranan pemimpin universiti adalah sangat penting dalam memastikan mahasiswa tidak hanya terperangkap dalam lingkaran akademik, tetapi juga dididik untuk menjadi warga global peka terhadap realiti dunia.

Dalam konteks ini, pemimpin universiti perlu memastikan solidariti diutarakan mahasiswa bukan hanya bersifat retorik, tetapi diiringi dengan tindakan konkrit yang dapat memberikan impak positif kepada rakyat Palestin yang menderita.

Di samping itu, kebebasan bersuara di universiti perlu dihargai dan dijaga tanpa campur tangan politik dalam kampus yang boleh menyekat perjuangan mahasiswa. Mahasiswa perlu merdeka untuk menyuarakan pendapat mereka tanpa rasa takut atau tekanan daripada pihak yang berkuasa. Ini adalah esensi sebenar daripada pendidikan tinggi bebas dan progresif.

Sebagai masyarakat akademik, kita perlu menyedari isu kemanusiaan tidak boleh dipisahkan daripada konteks politik. Namun, dalam menangani isu ini, kita perlu bersatu demi mencapai keadilan tanpa membenarkan politik kampus sempit menghalangi langkah tindakan kemanusiaan.

Pentingnya solidariti tanpa politik di universiti terhadap penderitaan rakyat Palestin harus ditekankan sebagai panggilan untuk bersatu demi kemanusiaan, tanpa memandang perbezaan siasah atau ideologi. Sebagai warga akademik, kita tidak boleh membiarkan institusi pendidikan kita menjadi medan pertempuran politik yang hanya memperdalam jurang perbezaan.

Kita berharap perjuangan kemanusiaan dari generasi muda Malaysia akan membawa kepada perubahan adil dan berdaya maju bagi rakyat Palestin yang sudah lama menderita. Sebagai anak muda, kita perlu memahami keadilan dan kemanusiaan tidak boleh dipisahkan daripada pendidikan tinggi dan universiti adalah tempat tepat untuk memupuk nilai-nilai ini.

Justeru, usaha meningkatkan martabat universiti dan mutu pendidikan serta keupayaan dan keintelektualan mahasiswa perlu bersifat menyeluruh daripada prestasi akademik hingga pemikiran kritis dan kesedaran bahawa mereka bukan hanya warga kepada satu-satu negara, bahkan warga sejagat yang ada tanggungjawab penting demi kemanusiaan dan peradaban.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Sidang
Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILINADAN
thilly@bh.com.my

Nasional

Isnin, 8 Januari 2024

Kurikulum pendidikan tinggi wajar diperbaharui

Malaysia perlukan input disediakan graduan negara berdepan dunia lebih mencabar

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kurikulum pendidikan tinggi negara sudah ketinggalan zaman dan perlu dirombak segera bagi menyediakan graduan negara ini untuk berdepan dengan dunia yang lebih mencabar serta pantas berubah.

Justeru, naib cancellor universiti berpendapat, Malaysia memerlukan input bagi tujuan itu, bukan sahaja daripada profesional pendidikan tempatan, malah dari luar negara, terutama dalam bidang teknologi baharu, yang Malaysia masih jauh ketinggalan.

Naib Canselor Perdana University, Kuala Lumpur, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata melalui input yang diperoleh, Malaysia dan negara luar dapat berkongsi pengalaman dan cabaran yang dilalui, untuk dimanfaatkan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Mohamed Mustafa yang juga bekas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi berkata, kurikulum IPT perlu diperbaharui segera, malah wujud keperluan mend-

esak untuk membangunkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), yang hala tujunya dilihat masih belum kukuh.

"Ahli akademik kita juga, dalam beberapa bidang tertentu perlu dilatih semula, *upskilling* dan *reskilling*."

"Jika mereka tidak berubah minda dan cara berfikir serta menguasai bidang baharu, transformasi pendidikan, khususnya agenda pendigitalan pendidikan sukar dilakukan dan berhasil dengan pantas," katanya kepada BH, hari ini.

BH, semalam melaporkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membuat beberapa keputusan untuk mengangkat martabat universiti tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata antara yang dicapai hasil perbincangan bersama pada sesi pemu- kiman sempena Wacana Strategi KPT yang berlangsung pada Jumaat dan Sabtu lalu, adalah menjemput pakar dan profesional da-



ri luar untuk bersama-sama cendekiawan serta pemimpin universiti memperkasa IPT.

Selain itu, model pengajian universiti terkemuka di seluruh dunia akan dikaji dan diterapkan dalam pengajian di IPT tempatan, termasuk dalam TVET.

Peka keperluan semasa

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata pihak pemberi pendidikan di universiti perlu bersama-sama memegang taruh penting di luar supaya universiti sentiasa peka kepada keperluan masa hadapan

yang bersifat jangka pendek dan sederhana.

Ini termasuk pihak industri, komuniti dan badan yang boleh membantu melakarkan kedudukan masa hadapan.

"IPT perlu melihat model pengajaran dari luar yang boleh membantu mentransformasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran di Malaysia supaya ia lebih sesuai dengan keperluan serta kaedah pembelajaran generasi semasa bagi membantu mencapai hasil pembelajaran yang terbaik."

"Tidak semestinya semua yang dilakukan pihak luar perlu dibawa ke Malaysia, tetapi perlulah diadaptasi, sesuai dengan keperluan tempatan dan kekangan yang wujud," katanya.

Bagi Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof Dr Massila Kamarudin, langkah mendapatkan pandangan industri dan profesional luar serta menerapkan model pengajian yang bermutu dan berjaya bukanlah sesuatu yang asing, malah sudah pun berlangsung, terutama dalam bidang TVET.

"Kami dalam Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) perlu sentiasa menyediakan silibus dan program pengajian yang menepati keperluan industri supaya pelajar yang kami lahirkan bersedia untuk alam pekerjaan dan relevan dengan industri."

"Percambahan akademik yang menepati keperluan industri juga adalah penting untuk percambahan ekonomi negara kerana IPT yang menyediakan bakat yang diperlukan pihak pelabur," katanya.

Jika mereka tidak berubah minda dan cara berfikir serta menguasai bidang baharu, transformasi pendidikan, khususnya agenda pendigitalan pendidikan sukar dilakukan dan berhasil dengan pantas



Mohamed Mustafa Ishak,
Naib Canselor Perdana
University, Kuala Lumpur

30,000 pensyarah berdepan tekanan

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Lebih 30,000 pensyarah di 20 universiti awam di negara ini berdepan beban kerja berlebihan, gaji rendah dan tidak diiktiraf sebagai ahli akademik yang memerlukan perhatian serius daripada kerajaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Dr. Ahmad Ismail berkata, sudah tiba masanya satu formula dihasilkan oleh kerajaan dengan matlamat menyelesaikan tiga isu pokok tersebut dan memastikan produktiviti golongan pensyarah dapat ditingkatkan.

"Pensyarah adalah manusia, bukannya mesin. Jadi, memang tidak sepatutnya mereka bekerja di bawah tekanan. Jika kita lihat pada graf produktiviti pensyarah, pada saya ia masih rendah oleh kerana beban-beban kerja yang tidak sepatutnya.

"Pensyarah sekarang terpaksa memberi kuliah lebih masa, iaitu melebihi jumlah jam kerja seminggu. Ini kerana kita bukan sahaja perlu mengajar tetapi juga penyelidikan, penyeliaan pelajar dan banyak lagi. Ini yang membuatkan pensyarah menjadi terbeban.

"Beban-beban ini menyebabkan kebanyakan pensyarah tidak dapat memenuhi peluang-peluang disediakan oleh kerajaan seperti menghadiri kursus ataupun sertai bengkel terkemuka kerana waktu yang ada sangat terhad," katanya ketika dihubungi.

Mengikut statistik Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2021, jumlah pensyarah tempatan di Universiti Malaya (UM) adalah 1,891 orang, Universiti Sains Malaysia (1,972), Universiti Kebangsaan Malaysia (1,982), Universiti Putra Malaysia (1,799) dan Universiti Teknologi Malaysia (1,607).

Universiti Utara Malaysia pula 1,174 pensyarah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1,738), Universiti Malaysia

TUGAS DAN BEBAN PENSYARAH UNIVERSITI AWAM

- » Kuliah.
- » Persediaan kuliah.
- » Persediaan kertas soalan, kuiz.
- » Penilaian kertas soalan, kuiz, kertas kerja pelajar.
- » Penyeliaan pelajar ijazah sarjana muda, sarjana, doktor falsafah (PhD), iaitu mengambil masa perundingan dan persediaan siri penilaian setiap semester.
- » Penyediaan cadangan penyelidikan untuk geran daripada pelbagai agensi.
- » Penyediaan kajian saintifik untuk jurnal, seminar atau persidangan dan sebagainya.
- » Mesyuarat, kerja pentadbiran dan pengurusan universiti, fakulti, jabatan atau pusat.
- » Menghadiri seminar atau persidangan dalam mahupun luar negara.
- » Menjadi perunding atau penasihat pelajar untuk aktiviti kokurikulum, kemasyarakatan dan pengembangan.

Sarawak (770), Universiti Malaysia Sabah (995), Universiti Pendidikan Sultan Idris (836), Universiti Teknologi Mara (8,908), Universiti Sultan Zainal Abidin (660) dan Universiti Malaysia Terengganu (629).

Sementara itu, sebanyak 758 staf akademik bertugas di Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (1,080), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (839), Universiti Malaysia Pahang (729), Universiti Malaysia Perlis (1,110), Universiti Malaysia Kelantan (511) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (392).

Ini menjadikan pada 2021 sebanyak 30,380 pensyarah atau staf akademik warganegara bertugas di 20 universiti awam.

Mengulas lanjut, Ahmad



AKTIVITI pengajaran dan pembelajaran yang tidak efektif akan memberi kesan kepada kualiti graduan serta bakat sumber manusia negara.

memberitahu, sekiranya tiga isu berkenaan gagal diatasi, ia boleh mendatangkan kesan terhadap pembelajaran dan produktiviti pensyarah.

"Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan men-

jadi tidak efektif dan ini memberi kesan kepada kualiti graduan serta bakat manusia negara. Malah menyebabkan pembangunan penyelidikan berimpak tinggi tidak dapat dicapai.

"Jika tidak dapat diselesai-

kan akan menyebabkan lepakan pensyarah tidak dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara. Hasilnya, kerajaan membuat banyak kesilapan dalam membuat keputusan," katanya.

Gaji diterima pensyarah tidak setimpal

PETALING JAYA: Paras gaji pensyarah di universiti awam di negara ini perlu dinilai semula secara keseluruhan supaya pendapatan yang diterima mereka setara dengan negara luar, taraf universiti dan kedudukan ekonomi semasa.

Presiden Kongres Persatuan

Akademik Malaysia (MAAC), Dr. Ahmad Ismail berkata, kebanyakan pensyarah mempunyai kelulusan ijazah doktor falsafah (PhD), justeru gaji golongan itu sepatutnya bermula dengan jumlah yang lebih tinggi.

"Jika skim gaji untuk pensyarah ini dapat disemak sem-

ula secara keseluruhan, ia akan menguntungkan negara apabila perkara tersebut dijangka mampu menarik bakat-bakat baharu sama ada yang berada di dalam negara mahupun di luar," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Menurutnya, kepakaran yang


dimiliki oleh seluruh ahli akademik perlu diiktiraf, dihargai dan digunakan untuk kepentingan negara serta masyarakat.

"Kepakaran yang dimiliki setiap ahli akademik boleh digunakan terutama untuk pihak berkuasa tempatan (PBT) di mana universiti dapat bertin-

dak sama ada sebagai penasihat, jawatankuasa bertindak dan lain lain.

"Ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti akademik di mana pembelajaran praktikal bersama komuniti mahupun PBT dapat diwujudkan," jelasnya.

KEMPEN SUBUH MACAM JUMAAT

Langkah *berpahala* didik masyarakat *bertakwa*Bersama
Dr Zuraimy Ali

Selain kempen Subuh Macam Jumaat, kempen untuk mengajak ummah ke arah kempen 'tahajud cinta' perlu diberikan penekanan serius oleh pihak jawatankuasa masjid bagi menjadikan masjid sebagai cara mendidik masyarakat

Ummah mengetahui kempen yang dicetuskan oleh seorang artis selebriti mengajak umat Islam untuk solat Subuh berjemaah macam solat Jumaat merupakan saranan yang baik dan merupakan langkah berpahala kerana mendidik masyarakat lebih bersatu padu di samping meningkatkan rasa ketakwaan kepada Allah SWT. Ini memberikan contoh ikutan baik bagi yang menyeru manusia ke arah kebenaran dan kesabaran dalam melaksanakan ibadah solat berjemaah di masjid walaupun seruan dan saranan baik itu hadir daripada seorang artis yang sudah tentu mempunyai ramai pengikut dalam kalangan anak-anak muda. Hal ini mampu memberi kesan baik terhadap hati nurani anak-anak muda. Seruan dan kempen ini sangat baik dan ianya bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: 'Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.' (Surah Al-'Asr 103: Ayat 1-3)

Ini mampu menjadikan masjid seluruh negara dihidupkan dengan rasa kasih sayang untuk hidup dalam kehidupan berjemaah dan dapat menanam sikap saling ingat mengingati dalam urusan menjaga hubungan dengan Pencipta. Selain mampu memupuk rasa kasih sayang dalam kalangan jemaah yang hadir, langkah ke masjid merupakan langkah paling mulia kerana kehadiran ke masjid bagi membina kekuatan iman dan seterusnya diberikan ganjaran pahala ketimbang langkah ke tempat yang tidak memberikan manfaat pada jiwa dan roh kesatuan. Ini bersesuaian dengan hadith Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "Sesiapa yang membersihkan dirinya (berwuduk) di rumahnya kemudian dia berjalan kaki menuju ke satu rumah dari rumah-rumah Allah untuk dia menunaikan satu kefarduan dari kefarduan-kefarduan kepada Allah, maka setiap langkahnya itu salah satunya memadamkan dosa dan selangkah lagi mengangkat darjatnya." (Riwayat Muslim)



KEMPEN Subuh Macam Jumaat mampu menjadikan masjid seluruh negara dihidupkan dengan rasa kasih sayang untuk hidup dalam kehidupan berjemaah serta menanam sikap saling mengingati.

Bagi menjadikan kempen Subuh Macam Jumaat, pihak berkuasa dan jawatankuasa masjid perlu merancang dengan bijak bagi menarik lebih ramai ahli kariah untuk hadir ke masjid bagi mengimarahkan masjid dengan program yang lebih berkesan. Mengambil contoh, ada beberapa masjid memberikan insentif kepada pelajar sekolah wang tunai tambahan atas sikap melazimi solat Subuh sebelum ke sekolah. Walaupun insentif tersebut kecil namun ianya memberi kesan dorongan dan semangat pelajar-pelajar untuk meningkatkan amalan di samping memberikan semangat hadir ke sekolah untuk menuntut ilmu dengan tekun.

Setiap langkah demi langkah ke masjid memberikan pahala dan mengangkat kemuliaan (karamah) seseorang di sisi Allah SWT. Namun jika langkah yang diambil tidak memberikan kepada kekuatan untuk menambahkan iman dan amal sudah pasti langkah tersebut gagal manakala pelaksanaan terhadap kempen Subuh macam Jumaat hanya akan menemui kegagalan. Dalam menimba pengalaman baru sudah tentu perancangan terhadap langkah memperkasakan institusi masjid



menjadi keutamaan semua pihak. Peranan ini memerlukan tanggungjawab semua pihak bagi memastikan pelaksanaan ini sentiasa menjadi agenda penting bagi umat Islam.

Selain kempen Subuh Macam Jumaat, kempen untuk mengajak ummah ke arah kempen 'tahajud cinta' perlu diberikan penekanan serius oleh pihak jawatankuasa masjid bagi menjadikan masjid sebagai cara mendidik masyarakat membina kekuatan kerohanian pada waktu lewat malam sebagai persediaan awal

untuk membiasakan masyarakat dengan amalan solat tahajud dan menambahkan kecintaan terhadap Pencipta. Pihak jawatankuasa masjid boleh merancang program kempen tahajud cinta dengan pendekatan yang lebih berkesan dengan mendidik ummah untuk terus konsisten dalam usaha memupuk ketinggian rasa cinta terhadap Pencipta melalui pengisian yang bermanfaat terhadap pembinaan kerohanian insan khususnya anak-anak muda.

Jika pendekatan yang betul melalui langkah yang tepat, tidak mustahil ummah akan terdidik dengan mendalam rasa kasih dan sayang untuk mendekatkan diri terhadap Allah SWT. Namun, dalam marcapada kian terhakis dengan nilai dan adab maka semua pihak perlu memainkan peranan penting bagi meningkatkan iman dan amal umat Islam melalui kebhinekaan wahana demi memastikan kesatuan dan kebersamaan menjayakan kempen tersebut berjalan secara berterusan di era Malaysia Madani.

**Penulis Penserah Kanan
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi Mara**

SELANGKAH MENUJU KIAMAT

Kenali sifat Imam Mahdi pemimpin akhir zaman

Bersama
Musytaq
al Sha'ari

Sebelum ini telah kita kongsikan berkenaan dengan tanda-tanda kiamat yang besar dan di antaranya adalah kemunculan Imam Mahdi AS pada akhir zaman yang akan memimpin umat Islam sehingga pada zaman tersebut tidak akan berlaku lagi kezaliman bahkan bumi akan diisi dengan keadilan.

Umat Islam sekarang ternanti-nanti akan ketibaan Imam Mahdi AS sehingga ada sebahagian golongan mengambil kesempatan ke atas mereka dengan mendakwa diri mereka atau ketua mereka merupakan Imam Mahdi yang mereka nantikan itu sehingga ada sebahagian orang awam terpengaruh dengan dakwaan mereka.

Akhirnya mereka terpengaruh dengan golongan tersebut sehinggalah menjadi pengikut yang taasub.

Oleh kerana itu, di sini penulis ingin berkongsi sedikit berkenaan dengan ciri-ciri serta sifat Imam Mahdi AS yang dikhabarkan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam beberapa hadis agar kita sebagai umat Islam ini tidak mudah tertipu dengan dakwaan palsu tersebut.

Di antara sifat Imam Mahdi AS adalah:

1. Namanya sama dengan nama Nabi Muhammad SAW
Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Mas'ud berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Tidak hancur dunia (kiamat) sehinggalah bangsa Arab akan dikuasai oleh seorang lelaki daripada kalangan ahli baitku (Nabi) yang namanya sama dengan namaku (Nabi)." (Riwayat Imam Tirmizi)

2. Imam Mahdi AS adalah keturunan Nabi SAW.
Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Al Mahdi daripada keturunanku daripada anak Fatimah AS." (Riwayat Abu Daud)

3. Dahinya luas dan hidungnya mancung.
Hadis daripada Abu Said al



UMAT Islam harus memahami sifat Imam Mahdi supaya mereka tidak mudah terpedaya dengan pihak yang mengaku pemimpin akhir zaman.

Khudri RA berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: "Al Mahdi daripadaku.

Dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana ia dahulunya dipenuhi dengan kezaliman dan dia akan menguasai selama tujuh tahun." (Riwayat Abu Daud)

4. Tempat kelahiran Imam Mahdi AS

Berkenaan dengan tempat kelahiran Imam Mahdi AS, terdapat perbezaan para alim ulama dalam menentukan tempat kelahirannya. Ada yang mengatakan bahawa beliau dilahirkan di Maghrib dan ada yang mengatakan dilahirkan di Andalus.

Tetapi pandangan yang tepat adalah di Madinah al Munawwarah seperti mana diriwayatkan oleh Saidina Ali bin Abi Talib RA dan al Imam Abu Nuaim al Asfahani di dalam kitabnya berjudul al Sa'ah li Asyrath al Sa'ah, ada

menyebutkan beberapa ciri-ciri yang terdapat pada diri Imam Mahdi AS:

Pertama, di bahagian bahunya terdapat tanda yang sama pada bahu Nabi Muhammad SAW

Kedua, akan berkumpul bersama-sama dengan Nabi Isa AS.

Ketiga, Nabi Isa AS akan menunaikan sembahyang di belakang beliau.

Keempat, penduduk bumi akan merasa cukup ketika beliau memerintah dan akan kelihatan banyaknya keberkatan daripada tampuk pimpinannya.

Ada sebahagian ulama mengatakan bahawa ciri-ciri Imam Mahdi AS adalah kedua-dua matanya bercelak, wajahnya bercahaya seakan-akan beliau adalah bintang yang menyinar, warna kulitnya adalah warna orang Arab.

Umurnya empat puluh tahun dan dalam sebahagian riwayat tiga puluh hingga empat puluh

dan akhlak beliau seperti akhlak Nabi Muhammad SAW.

Imam Ibn Katsir menyatakan pandangannya tentang keluarnya Imam Mahdi AS di dalam kitab al Fitah wal Malahim adalah ketika turunnya Nabi Allah Isa AS, berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabi Bin Abdullah, Rasulullah SAW bersabda: "Isa bin Maryam AS turun lalu berkata pemimpin mereka (al Mahdi): Marilah solat bersama kami. Lalu Nabi Isa AS berkata: Tidak, sesungguhnya sebahagian kalian menjadi pemimpin atas sebahagian yang lain. Kemuliaan Allah kepada umat ini." (Riwayat Muslim)

Dengan adanya tanda-tanda yang diceritakan oleh Nabi Muhammad SAW melalui sabdanya, kita mengetahui tentang Imam Mahdi AS yang sebenar dan boleh kita buat perbandingan terhadap golongan yang mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi AS.

Bahkan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-81 pada 19 April 2012 telah membincangkan dan memutuskan bahawa ciri-ciri ajaran sesat yang disenaraikan adalah merupakan amalan, upacara dan adat istiadat yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Ia adalah sesat dan menyeleweng daripada akidah Islam yang sebenar serta haram dilakukan. Antaranya ialah mendakwa sebagai Imam Mahdi. Wallahu'alam.

Penulis pendakwah bebas



BH Sabtu, 20 Januari 2024

Nasional

5

Murid boleh pakai seragam sekolah dua hari seminggu

KPM beri kelonggaran pemakaian baju sukan, kokurikulum untuk sesi baharu

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bermula sesi persekolahan baharu Mac ini, murid dibenar untuk memakai seragam sekolah dua hari dalam seminggu, diikuti pakaian sukan selama dua hari dan sehari lagi pakaian kokurikulum.


Perkara itu dimaklumkan Men-

teri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berdasarkan garis panduan baharu pemakaian seragam murid yang ditetapkan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi sesi persekolahan 2024/2025.

Beliau berkata, keputusan dibuat sekali gus menyaksikan kelonggaran pemakaian baju sukan ke sekolah diteruskan untuk sesi baharu nanti.

Katanya, keputusan mengenai garis panduan baharu itu dibuat selepas sesi libat urus dilaksanakan dengan semua pihak berkaitan termasuk pemegang taruh.

"Dua hari pakaian seragam, dua hari pakaian sukan dan satu hari pakaian kokurikulum. Perincian mengenai garis panduan itu akan dimaklumkan kepada semua pihak dalam tempoh terdekat," katanya ketika menyampaikan Amanat 2024 KPM di sini, semalam.



Fadhlina menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Tahun 2023 kepada wakil Kolej Tunku Kurshiah pada majlis Amanat Tahun Baharu 2024 Kementerian Pendidikan di Putrajaya, semalam. (BERNAMA)

Ditemui selepas majlis itu, Fadhlina menjelaskan pihak sekolah akan diberi kuasa autonomi untuk menentukan gilirannya hari pemakaian seperti ditetapkan dalam garis panduan itu.

"Itu akan diperincikan dalam surat makluman nanti mengenai autonomi yang akan diberikan kepada pihak sekolah, asalkan mereka mengikut (ketetapan) dua hari pakaian seragam, dua pakaian sukan dan sehari pakaian kokurikulum.

"Bagi kita ini penegasan keputusan untuk meringankan beban ibu bapa yang berhasrat membuat persiapan lebih awal," katanya.

Pada 3 Mei tahun lalu, KPM

memberikan kebenaran khas kepada murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana di semua institusi pendidikan di bawah kelolaannya untuk memakai pakaian sukan semasa cuaca panas dan kering.

Murid memakai pakaian seragam sekolah pula tidak diwajibkan memakai tali leher, memandangkan keadaan cuaca panas boleh mencetuskan gelombang haba yang memudaratkan kesihatan.

Penambahan guru

Dalam perkembangan berasingan, Fadhlina menzahirkan rasa gembira dengan inisiatif penambahan guru, yang mana sehingga Disember lalu KPM ber-

jaya membuat penempatan 18,792 guru baharu.

"Insya-Allah, (penambahan guru baharu ini) akan bertambah lagi sebelum berakhir sesi penggal persekolahan 2023/2024," katanya.

Mengulas saranan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) yang mahu KPM melihat semula penggunaan sistem Sistem Pengurusan Identiti (iDME), Fadhlina berkata, pihaknya memantau sistem itu setiap jam untuk memastikan ia berada dalam keadaan baik.

Beliau berkata, KPM juga menambah baik sistem terbabit dari semasa ke semasa supaya ia dapat digunakan sepenuhnya.

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Sabtu, 20 Januari 2024 BH

Mahasiswa, pensyarah wajar memanfaatkan akhbar perkaya ilmu

● Artikel akhbar banyak merujuk contoh konteks tempatan dan dalam negara, berbanding buku teks kebanyakannya mungkin berat sebelah kepada konteks negara tertentu dan antarabangsa

● Inovasi pengajaran ini mampu merangsang minat pensyarah dan tenaga pengajar untuk menulis rencana di akhbar tempatan, kemudian boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa hadapan



Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Kaedah pengajaran dan pembelajaran di negara kita, khususnya bagi penuntut di institut pengajian tinggi (IPT) masih tertumpu dan berharap kepada sumber maklumat arus perdana sedia ada.

Ini seperti kuliah syarahan, buku teks, buku rujukan dan jurnal akademik. Namun, terdapat satu lagi sumber maklumat sedia ada sering dipinggirkan iaitu akhbar.

Ramai antara kita tidak sedar kandungan ilmiah dalam artikel bahagian rencana terbitan akhbar tempatan, mahupun antarabangsa, boleh digunakan sebagai bahan

maklumat tambahan bagi memperkasakan pemahaman pelajar berkenaan sesuatu topik dalam silibus kursus mereka.

Tidak dinafikan buku teks dan rujukan sedia ada adalah sumber maklumat utama digunakan pensyarah untuk menyampaikan kandungan silibus kursus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Ini memang sumber amat benar dalam memberikan dan membina ilmu asas serta teori berkenaan sesuatu topik itu. Namun, harus diingat dalam proses mencari dan memperkayakan ilmu pada abad ke-21 ini, seseorang tidak sepatutnya bergantung sepenuhnya kepada kandungan diperoleh daripada sumber sedia ada.

Berbanding buku teks dan rujukan, artikel diterbitkan dalam akhbar, khususnya dalam ruangan khas seperti rencana, komentar dan forum mempunyai kelebihan tertentu.

Antaranya termasuk skop penulisan dan kandungan artikel rencana surat khabar lebih terkini dan semasa. Tahap bahasa digunakan lebih mudah difahami dan tidak terlalu teknikal, mesra pemahaman segala lapisan masyarakat.

Artikel rencana akhbar juga banyak merujuk contoh konteks tempatan dan dalam negara, berbanding buku teks kebanyakannya mungkin berat sebelah kepada konteks negara tertentu dan antarabangsa.

Jika dibandingkan dengan lambakan maklumat dalam talian, khususnya hantaran dipaparkan melalui media sosial dan laman web, artikel diterbitkan sudah pasti sahih kerana melalui proses suntingan dan pengesahan sidang editorial sebelum diterbitkan.

Akses kepada rencana akhbar ini juga mudah diakses di mana-mana lokasi dan waktu. Selain edisi cetak, artikel rencana mudah diperoleh melalui versi digital dan portal laman web akhbar berkenaan, termasuk akhbar terbitan negara lain.

Rangsang minat membaca

Dalam hal ini, pensyarah boleh dapatkan akses khas warga pendidik bagi memanfaatkan artikel untuk dikongsi bersama anak didik. Pelajar juga dapat didedahkan dengan kepelbagaian kaedah pembelajaran dan pengajaran.

Penggunaan akhbar juga mampu merangsang minat membaca pelajar, terutama dalam pembelajaran terarah sendiri di bawah aktiviti pembelajaran berdikari. Justeru, memudahkan dan mempercepat pemahaman pelajar berkenaan sesuatu topik.

Kaedah pengajaran boleh dipelbagaikan dan dicorak penggunaan artikel akhbar ini. Selain pembacaan biasa, pelajar boleh diberi tugas tertentu seperti menghasilkan rumusan peta minda, ulasan kritikal dan sumbang saran kreatif.

Hasil maklum balas daripada percubaan dijalankan mendapati pelajar lebih cepat dan mudah memahami topik tertentu silibus kursus mereka serta mendekatkan jurang ilmu teori serta praktikal, terutama dalam memahami konteks tempatan dan semasa.

Maklum balas juga termasuk memperoleh ilmu baharu yang tiada dalam silibus sedia ada.

Selain itu, beberapa potensi lain boleh dimanfaatkan, termasuk membantu pelajar mendapat maklumat terkini berkenaan topik tertentu berkaitan dengan silibus mereka serta membolehkan pelajar menghubungkan kaitkan sesuatu topik dalam silibus dengan konteks semasa dan konteks tempatan.

Inovasi pengajaran ini juga mampu merangsang minat pensyarah dan tenaga pengajar di IPT untuk menulis rencana di akhbar tempatan, kemudian boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa hadapan.

Penulisan artikel rencana di platform akhbar oleh pensyarah juga membolehkan golongan akademik memberi maklum balas pantas dan pandangan profesional kepakaran serta bidang mereka terhadap isu semasa yang timbul, khususnya dalam konteks negara.

Berbanding penulisan jurnal akademik lebih tertumpu kepada kajian tertentu dan mengambil masa lama untuk diterbitkan, sudah pasti ada kelebihan menghasilkan rencana di surat khabar. Ini boleh membantu pensyarah mencapai keperluan minimum petunjuk prestasi utama (KPI) dalam aspek penerbitan penulisan.

Penggunaan artikel rencana akhbar sememangnya mampu memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya pada peringkat pengajian tinggi dalam konteks membantu pelajar mempelbagaikan sumber maklumat.

Maklumat terkandung dalam rencana ternyata mampu memberi maklumat berdasarkan isu semasa dan juga konteks tempatan, berbanding maklumat dalam buku teks dan rujukan sedia ada.

Oleh itu, pelajar yang mampu mengoptimalkan kepelbagaian sumber maklumat berpotensi untuk berada di hadapan rakan lain dari sudut pengetahuan terkini. Ia secara langsung mampu menambah keyakinan seseorang apabila ditanya berkenaan sesuatu topik, lantas memberi peluang terbaik pelajar menambah nilai mereka ke arah kemenjadian insan terbilang dan komprehensif.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Sidang
Redaksi

Pengarang Kumpulan

DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan

THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Rabu, 24 Januari 2024

m 87 Nasional

Ambilan baharu penjawat awam dibuat secara kontrak

Kaedah mampu kurangkan tanggungan fiskal dalam tempoh jangka panjang

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan melaksanakan pengambilan penjawat awam secara lantikan kontrak sehingga inisiatif kaedah lantikan baharu diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan awam di negara ini.

Ketika ini, inisiatif kaedah baharu itu dalam fasa pindaan kepada undang-undang berkaitan, juga dilihat mampu mengurangkan tanggungan fiskal negara dalam tempoh jangka masa panjang.

Langkah itu dimaklumkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, menerusi satu pekeliling, semalam.

Beliau berkata, inisiatif itu selaras dengan komitmen negara dalam menangani isu peningkatan tanggungan pencen.

"Kerajaan melalui mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai



Wan Ahmad Dahlan

2023, memutuskan suatu kaedah baharu bagi lantikan tetap pegawai awam diperkenalkan.

"Jemaah Menteri juga bersetuju supaya dalam tempoh peralihan (interim) sebelum penguatkuasaan kaedah tersebut, pengambilan pegawai awam ke perjawatan tetap akan dilaksanakan secara lantikan kontrak (COS) berkuat kuasa mulai 2024," katanya.

Wan Ahmad Dahlan berkata, pelaksanaan pengambilan pegawai baharu secara lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2024.

Lantikan ikut peraturan

Katanya, kaedah pelaksanaan lantikan kontrak ini adalah mengikut peraturan, pekeliling perkhidmatan dan kaedah semasa yang sedang berkuat kuasa iaitu MyPPSM Ceraian UP1.1.1 Prosedur dan Dasar Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*).

"Dalam hal ini, lantikan kontrak (COS) yang dimaksudkan adalah lantikan kontrak Objek Sebagai (OS) 11000," katanya.

Susulan itu, Wan Ahmad Dahlan mengingatkan Suruhajaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) hendaklah mematuhi dan melaksanakan ketetapan itu berdasarkan peraturan, pekeliling perkhidmatan dan kaedah semasa yang sedang berkuat kuasa.

Badan penarafan tunggal TVET diwujudkan

RABU 24/1/2024 ms 7 BH

Putrajaya: Badan penarafan tunggal program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan diwujudkan tahun ini bagi menyeragamkan kualiti program ditawarkan di institusi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata penarafan itu akan dilakukan dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

“Kita sedar wujud pelbagai agensi dan penyedia TVET yang menawarkan program itu di pelbagai peringkat, namun matlamatnya tetap sama iaitu menyediakan tenaga mahir kompeten yang dapat memenuhi kehendak pasaran atau pemegang taruh.

“Sehubungan itu, penarafan tunggal program TVET diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 sebagai sistem penarafan seragam bagi menilai kualiti program berdasarkan indikasi yang holistik,” katanya di sini, semalam.

Penubuhan badan penarafan tunggal itu dibincang dan diperseetujui melalui Mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) yang dipengerusikan Ahmad Zahid, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata indikasi holistik yang ditekankan termasuk elemen keberhasilan seperti kebolehpasaran dan pembabitkan industri.

Tegasnya, penarafan itu juga dibuat untuk menyesuaikan semua kursus TVET kerana wujud

perbezaan permintaan daripada industri.

Beliau berkata, perubahan silibus boleh dibuat berdasarkan permintaan pemain industri bagi mengelak ketidakpadanan.

Sehingga kini, katanya, 1,345 institusi TVET di dalam negara membabitkan 12 kementerian, selain 94,000 pelajar sedia ada TVET di kolej vokasional dan sekolah menengah teknik.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berkata, berlaku peningkatan permohonan pelajar melalui unit pusat TVET yang kini merekod-

kan 134,000 bagi pengambilan Jun dan September berbanding 67,000 tahun lalu.

Perkenal kursus baharu

Beliau berkata, kursus baharu dalam bidang pertanian dan perladangan membabitkan penuaian akan diperkenalkan di institusi TVET bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam industri berkenaan.

“Majlis TVET negara mahu latihan kemahiran dapat dilakukan juga dalam bidang perladangan, contohnya pengambil buah

sawit tidak lagi oleh pekerja asing, tetapi pekerja mahir kelahiran TVET.

“Mereka akan diberi taraf penuaian lebih tinggi dan dijangka boleh memanfaatkan 450,000 ladang sawit yang kini tidak cukup pekerja,” katanya.

Ahmad Zahid berkata, kemasukan ke institusi TVET dalam kalangan pelajar lepasan Tingkatan Tiga akan diperkasakan di semua kolej vokasional dan sekolah menengah teknik bagi menggalakkan tenaga mahir pada peringkat usia lebih awal.



Ahmad Zahid ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis TVET Negara di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

KPI mampu ukur pencapaian, hala tuju universiti

PETALING JAYA: Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Naib Caunselor, Dekan, Ketua Jabatan dan pensyarah universiti perlu ada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya hala tuju dan pencapaian setiap universiti boleh diukur dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof. Ahmad Ismail berkata, KPI tersebut perlu berasaskan peranan universiti dalam membekalkan bakat sumber manusia di negara ini.

"Pihak universiti tentunya lebih faham tentang universiti masing-masing dan apa yang mereka hendak hasilkan.

"Pengurusan tertinggi universiti tidak perlu tunggu Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kerana universiti sepatutnya mempunyai kuasa tersendiri dan mesti merancang kejayaan program masing-masing.

"Tugas KPT hanya perlu sediakan polisi, strategi dan panduan tindakan yang baik sebagai panduan universiti," katanya ketika dihubungi semalam.

Tamatkan sistem dan amalan lama, kerenah birokrasi - Anwar

Beri kuasa penuh kepada universiti

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@madam.ia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) diarahkan memberi kuasa penuh kepada universiti awam supaya dapat membuat keputusan sendiri dalam menentukan keutamaan masing-masing.

Langkah itu juga bagi mengelakkan birokrasi selain membolehkan prestasi universiti awam berkembang serta menyumbang kepada pendidikan masa hadapan.

"Saya sebelum ini sudah mengarahkan KPT memberi universiti awam ruang untuk menentukan keutamaan masing-masing.

Langkah itu juga bagi mengelakkan birokrasi selain membolehkan prestasi universiti awam berkembang serta menyumbang kepada pendidikan masa hadapan.

"Perkara ini dibangkitkan kerana ia memerlukan tindakan segera, selain menyedai yang kita akan tertinggal dalam beberapa bidang jika selasa de-

**UTUSAN
Malaysia
23 Januari
2024.**

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, KPT diarahkan memberi kuasa penuh kepada universiti awam supaya dapat membuat keputusan sendiri dalam menentukan keutamaan masing-masing.

Langkah itu juga bagi mengelakkan birokrasi selain membolehkan prestasi universiti awam berkembang serta menyumbang kepada pendidikan masa hadapan.

Ahmad berkata, banyak bidang di universiti telah 'mati'

yang disebabkan perancangan dan fokus universiti yang tidak jelas.

Sehubungan itu, beliau ber-setuju bahawa pemansuhan birokrasi akan dapat meringankan beban pensyarah dengan mengurangkan prosedur yang tidak perlu.

Beliau menjelaskan, pensyarah perlu diberikan ruang dan peluang lebih untuk berkarya dan memberikan pendedahan kepada ilmu teknologi baharu berkaitan bidang mereka, bu-



Kalau kekuatan universiti itu dalam bidang kejuruteraan dan kita nak syor sesuatu beri impak kepada masyarakat, maka kita maklum kepada kementerian. Maknanya, kalau boleh buat (lulus) dua hari, buat apa tunggu dua minggu."

AHMAD FAUZI ISMAIL

kan hanya memenuhi prosedur kerja yang mengambil banyak masa.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Ismail berkata,

kuasa penuh kepada universiti awam dapat meningkatkan impak kepakaran universiti dalam bidang masing-masing kepada masyarakat dan negara.

"Sebagai contoh, kalau kekuatan universiti itu dalam bidang kejuruteraan dan kita nak syor sesuatu beri impak kepada masyarakat, maka kita maklum kepada kementerian. Maknanya, kalau boleh buat (lulus) dua hari, buat apa tunggu dua minggu.

"Apa yang saya faham, Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) mahu kecepatan, jadi kena cepat," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Dr. Raduan Che Rose berkata, universiti awam sememangnya adalah pihak berkuasa berkanun penuh yang mempunyai struktur dan Perlembagaan sendiri.

Namun, katanya, apabila universiti awam tertakluk kepada peruntukan kewangan kerajaan, maka terikat dengan polisi dan amalan kerajaan termasuk pihak KPT yang merasakan mereka ada hak.

MOHD.
ANUAR RAMLI

KISAH poligami telah menimbulkan gelombang emosi yang tidak terkawal dalam kalangan masyarakat apabila pemberitaan tentang isu ini dilaporkan di media. Seolah-olah mereka bersama-sama bersolidariti dengan isteri yang tua, tersakiti dan merasai penderitaannya.

Sedangkan dalam amalan poligami, terdapat banyak kisah bahagia berbanding derita. Tetapi banyak kisah penderitaan yang dipaparkan hingga menimbulkan stigma dalam masyarakat yang mengaitkan poligami dengan kecurangan dan pengkhianatan suami.

Dalam merespons kisah-kisah yang dilaporkan di media, ramai orang yang tidak bertindak menjadi pendamai atau penyejuk keadaan. Sebaliknya mereka menjadi batu api dengan menghasut pihak terlibat agar meruntuhkan masjid yang dibina. Selagi pasangan suami isteri tidak bercerai, mereka tidak akan berpuas hati dan akan terus menerus mencari keburukan dan kelemahan pihak suami dan isteri baharu.

Campur tangan dan hasutan masyarakat hanya akan meruntuhkan masjid dan memusnahkan kehidupan. Sewajarnya setiap perkahwinan perlu diselamatkan kerana yang menanggung penderitaan akhirnya adalah golongan perempuan dan anak-anak juga. Golongan penghasut dan batu api akan berlepas diri.

Jangan terlalu menjaga tepi kain orang kerana setiap rumah tangga mempunyai kisah yang tersendiri. Malahan setiap kita mempunyai golongan perempuan dalam rumah sama ada seorang nenek, ibu, kakak, adik atau anak dan cucu. Dengan itu, berhati-hatilah kerana kes-kes yang timbul dalam masyarakat adalah melibatkan perempuan dengan perempuan yang lain. Ibaratnya perempuan disakiti oleh perempuan lain.

Seringkali perempuan akan digelar sebagai penyondol berbanding lelaki. Sedangkan pokok tidak akan bergoyang tanpa angin yang bertiup. Ibaratnya bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi. Kedua-dua pihak lelaki dan perempuan turut terlibat. Apa yang lebih menghairankan, apabila kes poligami diperbesarkan oleh media, pihak lelaki lain turut menerima tempas kemarahan kaum perempuan berbanding kisah-kisah rumah tangga



BERILAH peluang dan ruang kepada pasangan untuk menyelesaikan masalah peribadi mereka dengan damai tanpa gangguan. Jika kita tidak mampu jadi batu permata yang menyelamatkan perkahwinan, janganlah jadi batu api yang merosakkan rumah tangga orang. - GAMBAR HIASAN

Jangan jadi batu api hal rumah tangga



Dalam dunia digital, ramai orang sibuk memperkatakan dan mengambil tahu kisah rumah tangga orang lain, memberi komen melampaui batas, menghina fizikal, menjatuhkan maruah dan mempersendakan orang yang berpoligami tanpa rasa berdosa dan bersalah."

yang melibatkan kecurangan pihak isteri.

Dasarnya perbincangan poligami adalah dalam ruang lingkup agama masing-masing. Umat agama lain tidak perlu mencampuri atau mengkritik amalan ini sebab ia boleh menimbulkan kritikan balas yang tidak membawa sebarang kebaikan bersama malah melondehkan keburukan amalan yang dipraktikkan dalam masyarakat yang memilih segmen yang diharamkan syarak seperti aktiviti pelacuran dan perzinahan, perempuan simpanan, gadis peneman, *sugar baby*, gundik, gigolo dan seumpamanya.

Ramai yang boleh terima gejala yang diharamkan oleh syarak ini berbanding solusi halal dan menjaga maruah perempuan. Ramai orang

yang mudah dipengaruhi dan dimainkan emosi dengan propaganda pihak-pihak yang memburukkan amalan poligami.

Dalam dunia digital, ramai orang sibuk memperkatakan dan mengambil tahu kisah rumah tangga orang lain, memberi komen melampaui batas, menghina fizikal, menjatuhkan maruah dan mempersendakan orang yang berpoligami tanpa rasa berdosa dan bersalah. Memang enak bila bercerita tentang kisah hidup dan keburukan orang lain tetapi ingatlah bumi sentiasa berputar.

Setiap orang ada harinya dan beringatlah dalam menjaga kisah hidup orang. Hari ini kita menjaga kisah orang, besok kisah hidup kita yang buruk akan disebar. Ingatlah sabda Nabi SAW berkaitan

dengan batu api. Nabi SAW bersabda: *Tidak masuk syurga (tanpa hisab) si penghasut (HR Muslim)*

SINDIKET

Apa yang membuka ruang kepada kes poligami di Malaysia adalah wujudnya sindiket yang menguruskan poligami luar negara. Ia kesempatan perniagaan yang menguntungkan dan diuruskan secara terancang. Sindiket ini melibatkan penawaran pakej penuh yang bermula daripada perjalanan ke luar negara, pakej akad nikah sehinggalah urusan pendaftaran perkahwinan di Malaysia.

Justeru kepada lelaki yang ingin berpoligami disarankan agar lebih bertanggungjawab dan tidak berkahwin melalui sindiket atau ke negara seberang untuk berpoligami. Patuhilah prosedur dan perundangan negara agar keharmonian rumah tangga dapat dipertahankan dan poligami lebih bermaruah. Pihak mahkamah akan mempertimbangkan kelayakan suami untuk berpoligami.

Selain itu, bagi mengelakkan kecurangan berlaku dalam perkahwinan, pihak suami dan isteri hendaklah menjaga batas pergaulan dan tidak membuka

ruang kepada maksiat serta keterlanjuran. Jangan bermesra dan mengambil berat secara berlebihan. Ia akan membuka ruang kepada rasa simpati dan kasihan dan akhirnya menjerat diri. Ini disebabkan banyak dilaporkan skandal tempat kerja yang membawa kepada gejala perzinahan dan perceraian. Bagi pihak isteri, mereka tiada pilihan untuk berpoligami berbanding suami yang punya baki kuota untuk berkahwin.

Sehubungan dengan itu, anak-anak lelaki mestilah dididik untuk menghormati perempuan dan tidak berlaku curang, manakala anak-anak perempuan hendaklah dididik untuk menjaga maruah, harga diri, menjauhi perbuatan zina dan tidak meruntuhkan rumah tangga orang lain. Jangan membina kebahagiaan atas penderitaan orang kerana ia tidak akan kekal.

Tegasnya, berpada-pada dalam memberi komentar berkaitan dengan isu rumah tangga orang lain kerana ia tidak mendatangkan manfaat sebaliknya hanya mengundang dosa dan ketidakharmonian dalam masyarakat. Berilah peluang dan ruang kepada pasangan untuk menyelesaikan masalah peribadi mereka dengan damai tanpa gangguan. Jika kita tidak mampu jadi batu permata yang menyelamatkan perkahwinan, janganlah jadi batu api yang merosakkan rumah tangga orang.

PROFESOR Madya Dr. Mohd. Anuar Ramli merupakan Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia (UM).